





Lembaga Kebudayaan
Negeri Sabah



BALAI SENI LUKIS SABAH
SABAH ART GALLERY

KATEGORI A & B




Tarikh Tutup Penghantaran Karya

11 JANUARI 2027 (ISNIN), 12 PM

 kategori	 (7 - 12 tahun)	 (13 - 17 tahun)
 hadiah	RM 3,000	RM 5,000
 tema	"Warna Warni Sabah"	

Borang Penyertaan
Kategori A dan B



 SabahArtGallery
 SABAH ART Gallery
 sabahartgallery.sabah.gov.my
 @kptns.bsls@gmail.com
 Balai Seni Lukis Sabah

📍 Pusat Penghantaran Karya

- **Kategori A** (7 - 12 tahun)
- **Kategori B** (13 - 17 tahun)

- Karya penyertaan dihantar **tidak lewat dari 11 Januari 2027 (Isnin), 12.00 tengah hari**. Karya-karya yang dihantar selepas tarikh/masa tutup tidak akan diterima dan dilayan. Sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai penyelaras yang telah ditetapkan.
- Semua karya **dihantar ke Pusat Penghantaran Karya mengikut alamat bahagian/zon peserta**.
- **Syarat Penyertaan KPTNS Ke-41 boleh dirujuk di muka 3.**
- Sebarang pertanyaan pada waktu pejabat sahaja:
Isnin - Jumaat, 8 AM - 5 PM (WhatsApp)

PANTAI BARAT SELATAN

(Tuaran/Kota Kinabalu/Penampang/Papar)

👤 Joas Tumuuh
☎️ **016-826 0273**

👤 Melania bt Juli
☎️ **011-3563 8721**

📍 Balai Seni Lukis Sabah

PANTAI BARAT UTARA

(Kota Belud/Kota Marudu/Pitas/Kudat/Ranau)

👤 Medi Lambahid
☎️ **016-801 9890**

👤 Renee Joseph
☎️ **013-856 3010**

📍 Galeri Etnik Cawangan Kota Belud
📍 Galeri Etnik Cawangan Ranau
(Pejabat Daerah Ranau)

TAWAU

(Tawau/Kunak/Semporna/Lahad Datu)

👤 Norsarina Jamateh
☎️ **010-940 9684**

👤 Fazli Ahmad
☎️ **016-820 0781**

📍 Galeri Etnik Cawangan Tawau

PEDALAMAN BAWAH

(Beaufort/Membakut/K.Penyu/Menumbok/Sipitang)

👤 Dee Dee Samara
☎️ **013-859 4880**

👤 Arthur Emmanuel
☎️ **016-584 9998**

📍 SMK Beaufort III

SANDAKAN

(Sandakan/Labuk Sugud/Kinabatangan/Tongod)

👤 Ahmad Sharil
☎️ **016-846 3488**

👤 Zunairah Abd Malik
☎️ **016-584 5192**

📍 Sekolah Seni Malaysia Sabah
SMK Elopura Bestari Sandakan

PEDALAMAN ATAS

(Tenom/Nabawan/Keningau/Tambunan)

👤 Rosnie Veronica
☎️ **012-887 0272**

👤 Norlin Mutang
☎️ **011-1094 1599**

📍 Pusat Kebudayaan Murut Tenom

Syarat Penyertaan (Kategori A dan B)

- Karya Pilihan Tahunan Negeri Sabah Ke-41 adalah terbuka kepada semua **warganegara Malaysia** yang telah bermastautin di Sabah tidak kurang dari enam (6) bulan.
- Penyertaan hendaklah karya yang asal, ciptaan terbaharu yang belum pernah dikemukakan untuk mana-mana pertandingan atau pameran lain sebelum Julai 2026.
- Peserta bertanggungjawab mendapatkan kebenaran daripada pihak berkenaan jika menggunakan bahan visual daripada sumber lain sebagai rujukan penghasilan karya seni.
- **Setiap karya yang dikemukakan wajib dibingkai dan dalam keadaan bersedia untuk dipamer.** Setiap karya mestilah hasil pengkarya sendiri dan jika didapati bahawa karya yang diserahkan adalah hasil pengkarya lain, maka pihak penganjur berhak membatalkan penyertaan tersebut.
- Peserta dari peringkat rendah dilayakkan untuk menyertai peringkat atas tetapi tidak sebaliknya. Peserta hanya boleh menghantar penyertaan dalam satu (1) kategori sahaja pada masa yang sama.
- Setiap peserta boleh menghantar tidak lebih dari tiga (3) buah karya dalam satu kategori, dan hanya satu (1) karya sahaja yang layak dipilih.
- **Jika kaedah penyertaan adalah melalui sekolah,** setiap penyertaan hendaklah dicop dan mendapat pengesahan daripada pihak sekolah masing-masing bagi kesahihan karya tersebut sebagai hasil karya pelajar itu sendiri.
- Karya mesti dihantar ke pusat penghantaran karya mengikut zon / bahagian peserta **sebelum atau pada tarikh tutup penghantaran karya iaitu pada 11 Januari 2027 (Isnin), 12.00 tengah hari.** Karya yang dihantar selepas tarikh tutup tidak akan diterima dan dilayan.
- Peserta **WAJIB** melengkapkan semua maklumat yang diperlukan melalui **Borang Penyertaan dalam talian (Google Form)** yang disediakan.
- **Peserta WAJIB mencetak dua (2) salinan borang tersebut. Satu (1) salinan dilekatkan di bahagian belakang karya, manakala satu (1) salinan lagi diserahkan kepada pihak urus setia untuk tujuan dokumentasi.**
- Kesemua Karya Pilihan akan dipamer di “Majlis Perasmian Pameran dan Penyampaian Hadiah KPTNS Ke-41” dan “Pameran KPTNS” di Balai Seni Lukis Sabah.

- Karya-karya Pilihan berpotensi dipilih sama ada untuk dijadikan koleksi Balai Seni Lukis Sabah atau ditawarkan untuk jualan, tertakluk kepada penilaian pihak penganjur serta persetujuan peserta.

Penilaian Karya

- Antara kriteria penilaian dan pemilihan ialah **keaslian, daya kreativiti dan kualiti estetik.** Panel pemilih juga memberikan perhatian kepada muka-muka baharu yang berpotensi untuk dikembangkan.

- Segala keputusan panel pemilih bagi karya pilihan ini adalah muktamad. Sebarang persoalan yang timbul mengenai keputusan tidak akan dilayan.
- Pengumuman mengenai keputusan pemilihan KPTNS akan dibuat melalui telefon / emel / WhatsApp.

Saiz Karya

- **Tidak kurang dari 42 x 59 cm (A2)**
- **Karya 2D**
Catan cat air / cat minyak / akrilik / media kering / kolaj / media campuran / cetakan catan digital / cetakan fotografi / cetakan litografi / kaligrafi / anyaman kontemporari
- **Karya 3D**
Tembikar / seramik / arca / hasil kraftangan kontemporari tempatan / instalasi / digalakkan untuk menggunakan bahan kukuh, selamat dan tahan lama

Aliran dan Tema

- Peserta **bebas** menggunakan medium dan menghasilkan karya dengan aliran seni mengikut kemahiran dan kreativiti masing-masing.
- Penggunaan teknologi AI sebagai alat penyelidikan, eksplorasi visual atau rujukan adalah dibenarkan. Walaubagaimanapun, karya yang dihasilkan sepenuhnya melalui platform penjana imej AI tidak layak dipertandingkan. Penganjur berhak meminta dokumentasi proses penghasilan karya bagi tujuan pengesahan keaslian.
- Tema bagi Kategori A (7-12 tahun) dan Kategori B (13-17 tahun) adalah **“Warna Warni Sabah”**.
- Tema ini memberi ruang kepada peserta untuk meneroka dan menterjemahkan keunikan negeri Sabah melalui pelbagai aspek seperti budaya, masyarakat, landskap, alam sekitar, warisan atau kehidupan harian serta kepelbagaian yang mencerminkan identiti Sabah. Peserta bebas mentafsir tema secara kreatif mengikut pemerhatian dan pengalaman masing-masing.

Pengangkutan dan Pengambilan

- Semua perbelanjaan yang terlibat dalam penghantaran karya-karya dan juga pengambilan balik adalah ditanggung peserta sendiri.
- Para pemenang adalah dikehendaki datang menerima hadiah di “Majlis Perasmian Pameran dan Penyampaian Hadiah KPTNS”. Walaubagaimanapun, segala perbelanjaan dan penginapan adalah dibawah tanggungan masing-masing.
- Karya-karya yang tidak dipilih hendaklah diambil kembali oleh para peserta sebelum **31 Disember 2027**. Karya-karya yang tidak diambil selepas tarikh tersebut akan diambil alih menjadi hak milik Balai Seni Lukis Sabah.

Keselamatan Karya

- Pihak penganjur akan menjaga dengan sedaya upaya tentang keselamatan karya-karya penyertaan semasa dalam simpanan, namun pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas kerosakan atau kehilangan semasa penghantaran dan pengambilan kembali.